

200 CoopHardware menjelang 2025

Tawar harga bahan binaan lebih murah sehingga 20 peratus

Oleh NORSHAHZURA
MAT ZUKI
SHAH ALAM

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan untuk membangunkan 200 cawangan CoopHardware yang diusahakan oleh koperasi anggotanya di seluruh negara menjelang 2025.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, ketika ini terdapat 20 cawangan CoopHardware naungan Angkasa dan beliau optimis sasaran tersebut akan dicapai berikutnya trend permintaan untuk menambahkan bilangan cawangan dalam kalangan anggota koperasi.



Howard (tengah) memberikan penerangan mengenai pembinaan Tulip kepada Abdul Fattah (dua dari kiri) dan Abdul Rahman (kiri) di Tulip Residence Sales Gallery, Denai Alam pada Jumaat.

"CoopHardware menawarkan bahan binaan dengan harga kompetitif iaitu lebih murah sebanyak 10 hingga 20 peratus berbanding harga dalam pasaran. CoopHardware juga menyediakan lebih 32 bahan binaan, antaranya paku, simen dan besi yang berkualiti.

"Angkasa telah mengambil bahan binaan ini secara pulak daripada pembekal luar negara antaranya dari China. Kita juga menjangkakan mengambil daripada pembekal dari beberapa negara lain, antaranya Jerman," katanya.
Beliau berkata demikian

pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik Tulip Untuk Warga Koperasi Perumahan Awam Malaysia (Kopama) Berhad dan Chester Denai Alam Sdn Bhd (Chester) di sini pada Jumaat.

Pada majlis itu, Abdul Fattah menyaksikan Pengerusi Kopama, Datuk Abd Rahim Hashim dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Chester Group, Datuk Howard Chew mendatangkan perjanjian kerjasama tersebut.

Turut hadir, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah yang juga Presiden Asean Co-Operative Organization (ACO) berkata, Coophardware dapat mengurangkan kos bahan binaan sektor harta tanah terutama kepada koperasi.

"Ia juga membantu menyediakan rumah atau premis perniagaan kepada anggota koperasi pada harga yang lebih mampu milik dan mewujudkan

konsep rent to own kepada anggota koperasi," jelas beliau.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama Kopama dan Chester, Abdul Fattah berkeyakinan kerjasama tersebut akan merancakkan sektor harta tanah serta pembinaan koperasi di negara ini, khususnya pemilikan rumah untuk anggota koperasi.

"Dengan kekuatan sektor koperasi perumahan berjumlah 309 dan pembinaan berjumlah 248 koperasi, saya percaya gerakan koperasi dapat menggalakkan kegemilangan sebagai penyedia perumahan mampu milik seperti yang pernah dicapai sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Howard berkata, menerusi kerjasama itu, Chester menyediakan sebanyak 150 unit rumah terdiri daripada pembangunan bercampur iaitu apartmen servis dan pejabat kecil rumah pejabat (Soho) kepada pihak Kopama.

Menurutnya, pembinaan itu dijangka siap pada 2025.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA